

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 12

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pemberian peruntukan kepada sekolah persendirian dan kolej swasta secara terus daripada Kementerian Kewangan dan apakah kriteria yang melayakkan sekolah dan kolej tertentu mendapat bantuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM652 juta untuk menaiktaraf dan menyelenggara semua kategori sekolah termasuk sekolah persendirian seperti Sekolah Tahfiz sebanyak RM50 juta, Sekolah Pondok sebanyak RM25 juta dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sebanyak RM12 juta. Selanjutnya, pada bulan Februari 2019, Kerajaan telah juga mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta untuk Sekolah Agama Rakyat. Selain itu, institusi pendidikan tinggi swasta yang bukan bermotifkan keuntungan yang menerima peruntukan adalah Universiti Islam Malaysia (UIM) berjumlah RM15 juta, Han Chiang University College of Communication (HCUCC) sebanyak RM2 juta, New Era University College (NEUC) sebanyak RM2 juta dan Southern University College sebanyak RM2 juta.

Kriteria penyaluran sumbangan dipertimbangkan kepada institusi pendidikan yang tidak bermotifkan keuntungan. Bagi tujuan pemantauan, pihak penerima peruntukan perlu mengemukakan laporan pelaksanaan program/ projek berdasarkan kelulusan bantuan kewangan yang diberikan.